

“Agar pembaca dapat memahami tujuan daripada usaha ini, saya nukil dengan sedikit ubah suai di bawah ini petikan daripada Pendahuluan bagi buku *Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran*:

- 1 Mengajak para pembaca untuk melihat isu-isu kehidupan di bawah bimbingan AL-Quran. Hal ini adalah kerana isu-isu dalam kehidupan Muslim tidak boleh ditangani tanpa mengambil kira petunjuk-petunjuk yang ada dalam Al-Quran, rujukan utama Islam.
- 2 Dengan sentiasa melihat isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Quran akan mendekatkan diri pendakwah dengan Al-Quran. Ini merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi seorang Muslim.
- 3 Membimbing para pembaca untuk berfikir bersama ayat-ayat Al-Quran dan membina keupayaan untuk mengaitkannya dengan masalah kehidupan. Terlalu banyak ayat Al-Quran yang menganjurkan umatnya untuk berfikir. Maka Muslim tidak boleh diajar tentang agama secara dogmatik. Muslim juga tidak boleh menyampaikan agama kepada orang lain secara dogmatik. Maka budaya berfikir mengenai apa yang tersurat dan tersirat adalah penting. Tiada satu yang lebih penting bagi umat Islam untuk berfikir dengannya selain ayat-ayat Al-Quran yang mereka baca.”

– USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN
FELO,
RSIS-NTU

Pesanan Ilahi,
Fikirkanlah...

Pesanan Ilahi, *Fikirkanlah...*

– Muslim | Singapura | Hari Ini –

Muhammad Haniff Hassan



DARUL
TAFSIR
AL-KHAIR



DARUL
TAFSIR
AL-KHAIR

Pesanan Ilahi,
Fikirkanlah . . .

– *Muslim* | *Singapura* | *Hari Ini* –

Muhammad Haniff Hassan

| DARUL
TAFSIR
AL-KHAIR

PESANAN ILAHI, FIKIRKANLAH ...

Muhammad Haniff Hassan

© Muhammad Haniff Hassan, 2021

Cetakan petrtama 2021

ISBN 978-981-182-457-9

Diterbitkan oleh

Darul Tafsir Al-Khair

Al-Khair Mosque

1 Teck Whye Crescent Singapore 688847

Hak cipta dilindungi undang-undang. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (*retrieval system*) ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh

Markono Print Media Pte Ltd

Penghargaan

Kami bersyukur kepada Allah taala kerana telah mengizinkan penerbitan buku ini.

Kami juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ustazah Nurnadiah Mohamed Amin, Ustaz Muhammed Faheem Abdul Khalil, Ustazah Kautsar Munain dan Ustaz Muhammad Hafiz Zulfahmi Mohamed Nasir serta semua pihak yang telah turut terlibat menyokong dan berganding bahu sehingga buku ini dapat dilancarkan.

Akhir sekali, terima kasih kepada Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair atas dorongan, sokongan dan kemudahan tempat kerja.

Daftar Isi

<i>Penghargaan</i>	<i>iii</i>
<i>Kata Pengantar</i> <i>daripada Darul Tafsir, Masjid Al-Khair</i>	<i>vii</i>
<i>Kata Pengantar</i> <i>daripada Masjid Al-Khair</i>	<i>x</i>
<i>Prakata</i>	<i>xii</i>
Perluakah Berkasar Dan Bersikap Keras Terhadap Mereka Yang Degil?	1
Bolehkah Bersikap Kasar Terhadap Peminta Bantuan?	5
Keprihatinan Islam Terhadap Kaum Wanita Dan Golongan Yang Lemah	8
Salahkah Memilih Untuk Hidup Daripada Mati Di Jalan Allah?	13
Dakwah Mengikut Kemampuan Kerana Hidayah Milik Tuhan	16
Ilmu Dan Kelulusan Tinggi Sahaja Tidak Menjadikan Seseorang Itu Bertakwa	19
Ciri-Ciri Orang Beriman	22
Kehidupan Di Syurga Dan Kehidupan Syurgawi Di Dunia	26
Dakwah Yang Dapat Membuktikan Kebatilan Dan Mematahkan Hujah Pihak Lawan	31
Kisah Iblis Dan Nabi Adam A.S Yang Khilaf	37
Kebebasan Memilih Untuk Beriman Atau Tidak	43
Tangani Stres Dengan Tidur	49

Kebenaran Terbukti Dengan Tindakan	52
Kemusnahan Boleh Berlaku Di Puncak Kejayaan	56
Adakah <i>Su' Al-Khatimah</i> (Pengakhiran Yang Buruk) Pasti Menimpa Penentang Kebenaran?	61
Perlukah Menghargai Jasa Dan Budi Seseorang Yang Jahat?	65
Sikap Positif Al-Qur'an Terhadap Wanita	70
Kesolehan Muslim Terletak Pada Kerohaniannya, Ilmunya Dan Kemahirannya	75
Al-Qur'an Adalah Kitab Hikmah	80
Jauhi Narsisisme	83
Apa Kata Islam Tentang Identiti Dan Perkauman?	86
Didik Anak Jadi Pemimpin	92
Ilmu Adalah Piawai Penting Dalam Pendidikan Anak	95
Ilmu, "Rahmah" Dan "Rusyd"	98
Mengetahui, Menerima Dan Mengamalkan Kebenaran	102
Berbaktilah Kepada Ibu Bapa Walau Sibuk Dalam Urusan Dakwah Dan Masyarakat	106
Sikap Dan Tindak Balas Terhadap Kejahatan	110
Peraturan Tindak Balas Terhadap Kejahatan	115
Panduan Al-Qur'an Buat Ibu Bapa	120
Keajaiban Ciptaan Antara Langit Dan Bumi	125

Prakata



Alhamdulillah, buku yang bertajuk *Pesanan Ilahi, Fikirkanlah...* telah dapat diterbitkan untuk bacaan umum. Buku ini ialah lanjutan daripada buku pertama yang bertajuk *Pesanan Ilahi, Renungkanlah....* Kedua-dua buku ini mempunyai konsep yang sama. Perbezaan kecil pada tajuk hanya untuk menjadi petanda bagi jilid pertama dan jilid kedua sahaja.

Pada kesempatan ini, saya ingin rakamkan rasa syukur kepada Allah taala atas penerbitan buku ini. Sesungguhnya usaha ini hanya tercapai dengan kuasa dan bantuan Allah taala semata-mata yang mengilhamkan idea, mengurniakan tenaga dan melapangkan masa untuk menghasilkan kandungan buku ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kepimpinan Masjid Al-Khair yang sudi menaja penerbitan buku ini dan staf masjid yang memberi sokongan teknikal padanya.

Seperti jilid pertama, buku ini ialah kumpulan artikel pendek yang telah dan akan diterbitkan oleh *Mimbar Darul Tafsir*, penerbitan dalam talian dwi-mingguan. Tiga puluh artikel dikumpulkan

dalam buku ini bagi meningkatkan capaian, memudahkan akses bagi pembaca dan sekali gus menambah manfaat pada *Mimbar Darul Tafsir*.

Setiap artikel berusaha untuk mengajak pembaca merenung beberapa ayat Al-Qur'an secara terfokus, iaitu pada isu yang dirakam dalam tajuknya. Tujuan utama ialah untuk mengajak dan membiasakan para pembaca berfikir tentang ayat-ayat Al-Qur'an apabila membacanya.

Apabila membaca setiap artikel, pembaca hendaklah berusaha bukan hanya meneliti pelajaran yang dibentangkan atau isu yang dihuraikan, tapi juga berusaha untuk memahami bagaimana pelajaran itu dirumuskan dan sudut (*angle*) dipilih daripada ayat-ayat yang dihuraikan supaya dengan itu ia menjadi terbiasa di minda hingga menjadi proses yang diguna pakai secara "tab'i'i" setiap kali pembaca membaca ayat-ayat Al-Qur'an.

Tidak syak bahawa membaca Al-Qur'an ialah satu ibadah yang bermanfaat bagi Muslim. Namun, Al-Qur'an sendiri memberitahu bahawa ia diturunkan untuk dijadikan panduan bagi Muslim. Untuk dapat berfungsi sedemikian pula, Muslim hendaklah berusaha memahami Al-Qur'an, bukan hanya membaca atau menghafalnya sahaja, melalui proses pembelajaran dan renungan secara berterusan.

Akhir sekali, saya berdoa agar pembaca buku ini dikurniakan oleh Allah taala kekuatan untuk sentiasa membaca dan merenung ayat-ayat Al-Qur'an dan buku ini dapat menjadi pemangkin dan pemudah bagi pembaca untuk melakukannya.

"...bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Qur'an..." (Al-Muzammil:20)

“...hendaklah mereka memerhatikan ayat-ayatnya (Al-Qur’an) dan supaya orang yang mempunyai akal fikiran mengambil pelajaran daripadanya.” (Sad:29)

MUHAMMAD HANIFF HASSAN

FELO

SEKOLAH PENGAJIAN ANTARABANGSA S. RAJARATNAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG, SINGAPURA

MAC 2021